

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.7 (9)

28 Januari 2020
3 Jamadilakhir 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2020

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2019 KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1/2020 bertarikh 9 Januari 2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 berkenaan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup kepada pegawai Universiti daripada Kumpulan Pelaksana.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 ini adalah berkenaan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup yang **hanya melibatkan Kumpulan Pelaksana** dan **tidak melibatkan Kumpulan Pengurusan & Profesional dan staf akademik**.

3. Kadar kenaikan Bantuan Sara Hidup adalah sebanyak **RM50**. Kadar Bantuan Sara Hidup adalah berbeza mengikut kawasan yang telah dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1 : Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup Mengikut Kawasan

| Kawasan | Sebelum (RM) | Selepas (RM) |
|--------------------------------------|-------------------------|-------------------------|
| UTM Pagoh | 250 | 300 |
| UTM Johor Bahru, UTM Kuala Lumpur | 300 | 350 |

4. Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

...2/-


5. Kadar kenaikan Bantuan Sara Hidup ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**. Dengan berkuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012 dan Surat Edaran Jabatan ini rujukan JPA(S)63/57/2 Klt. 8(97) bertarikh 8 Februari 2010 adalah dibatalkan.

6. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta mengambil maklum mengenai kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup kepada pegawai Universiti daripada **Kumpulan Pelaksana**. Maklumat lanjut berhubung pekeling boleh dimuat turun melalui sistem UTMHR <https://hrfin.utm.my/smu/> atau merujuk ke Seksyen Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAUDDIN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah